



Nestlé Good food, Good life

Siaran Media

1 Mei 2026

NESCAFÉ ANJUR PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI DI KLIA; 5,000 TIN MINUMAN DIEDARKAN KEPADA PETUGAS LAPANGAN TERBANG

Selangor, 1 Mei 2026 – Sempena Hari Pekerja, NESCAFÉ telah bekerjasama dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebagai rakan “recharge” kepada para pekerja Malaysia menerusi inisiatif “Ngopi Dulu, Kekal Bersemangat Bersama”.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen berterusan NESCAFÉ dalam menghargai dedikasi dan usaha warga barisan hadapan yang memastikan negara terus bergerak ke hadapan. Inisiatif ini ditujukan khas kepada warga kerja lapangan terbang yang memainkan peranan penting dalam memastikan ketersambungan Malaysia dengan dunia luar kekal lancar.

Meneruskan momentum kempen tahun lalu, “Ngopi Dulu & Kekal Kental Bersama”, inisiatif ini mengukuhkan lagi misi NESCAFÉ untuk meraikan kisah harian rakyat Malaysia. Ia juga merupakan penghormatan terhadap ketahanan, keazaman dan kekuatan bersama yang terus menjadi inspirasi kepada negara untuk melangkah maju bersama.

“Meneruskan semangat Ngopi Dulu 2025, NESCAFÉ dengan penuh semangat menyokong komuniti Kuala Lumpur International Airport (KLIA) — khususnya mereka yang bekerja tanpa mengenal penat lelah demi memastikan kelancaran operasi lapangan terbang setiap hari. Operasi lapangan terbang sentiasa bergerak pantas dan penuh cabaran. Oleh itu, Hari Pekerja merupakan platform yang tepat untuk kita meraikan komitmen pekerja serta menyuntik semangat agar terus kuat menghadapi hari yang panjang,” kata Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia semasa majlis perasmian.

Sebagai pintu masuk antarabangsa utama, operasi lapangan terbang amat bergantung kepada dedikasi tenaga kerjanya. Memandangkan Hari Pekerja tahun ini jatuh pada hari Jumaat, warga kerja MAHB beroperasi pada kapasiti yang lebih tinggi, sekali gus memerlukan tahap kepekaan yang optimum. Justeru, ini merupakan masa yang tepat untuk menghargai usaha gigih mereka dalam mengurus ketersambungan negara dan sektor pelancongan, selain membentuk tanggapan positif dalam kalangan pelancong yang tiba mahupun berlepas ke luar negara.

Sebagai sebahagian daripada kempen ini, NESCAFÉ telah merasmikan Bilik Komuniti yang dinaik taraf di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sempena Hari Pekerja. Ruang ini disediakan khas untuk kakitangan MAHB berehat, berinteraksi dan menyegarkan diri sebelum meneruskan tugas mereka. Kemudahan ini turut dilengkapi dengan mesin layan diri yang menawarkan pelbagai produk NESCAFÉ serta jenama Nestlé lain seperti MILO®, KitKat® dan MAGGI® — jenama ikonik yang dekat di hati rakyat Malaysia.

Sepanjang hari tersebut, NESCAFÉ akan mengedarkan lebih 5,000 tin minuman kepada warga kerja MAHB, merangkumi pelbagai jenis produk seperti NESCAFÉ Original, 3x Shot, Latte dan Mocha. Edaran ini bertujuan menghargai warga kerja serta membantu mereka kekal segar dan

bertenaga sepanjang hari. Bagi memeriahkan lagi suasana, selebriti terkemuka Black Hanifah turut membuat kemunculan mengejut dengan persembahan eksklusif yang menceriakan komuniti KLIA.

Inisiatif Hari Pekerja bersama MAHB ini merupakan langkah sulung NESCAFÉ sebagai rakan “recharge” kepada kakitangan KLIA. Lebih banyak inisiatif seperti ini akan diperluaskan di seluruh lapangan terbang dalam masa terdekat bagi memberi manfaat kepada lebih ramai warga kerja.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.nescafe.com.my, Facebook di NESCAFÉ Malaysia (facebook.com/Nescafe.MY) dan Instagram di [@nescafe_my](https://instagram.com/nescafe_my).